

# Penambahbaikan IPT secara berterusan

Oleh Khairina Yasin  
kayrina@bharian.com.my

**P**ENGIKTIRAFAN Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) 2009 memberi gambaran sebenar kedudukan dan kualiti institusi pengajian tinggi (IPT) sekali gus membolehkan pengurusannya melakukan penambahbaikan secara berterusan.

Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Datuk Dr Sahol Hamid Abu Bakar, berkata hasil penilaian SETARA juga membolehkan IPT peka terhadap segala kelemahan yang dikenal pasti dengan mencari jalan penyelesaian menanganinya.

"Kualiti pengajian tinggi adalah sesuatu yang tidak boleh dikompromikan, kita melihat SETARA adalah usaha baik memastikan tahap pencapaian pengajian tinggi setanding peringkat antarabangsa.

"Kita yakin sistem itu dapat membantu universiti termasuk UiTM mengatur strategi dan pendekatan yang lebih komprehensif bagi melonjakkan universiti ke tahap terbilang pada masa depan," katanya ketika mengulas pengumuman Menteri Pengajian Tinggi



**MENTERI Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (kiri)** menunjukkan laporan SETARA selepas sidang media, di Putrajaya, baru-baru ini.

Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mengenai hasil penilaian SETARA, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Mohamed Khaled berkata, tujuh IPT awam dan 11 swasta menerima pengiktirafan cemerlang menerusi SETARA 2009.

IPT awam terbabit ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Melaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan UiTM.

IPT swasta pula ialah Universiti Multimedia, Universiti Kuala Lumpur, Universiti

Teknologi Petronas, Sunway Universiti Kolej, Curtin Universiti Teknologi Kampus Sarawak, Monash Universiti Kampus Sunway, Taylor's Universiti Kolej, International Medical University, Swinburne Universiti Teknologi Kampus Sarawak, Universiti Nottingham Kampus Malaysia serta Management and Science Universiti.

Mengulas perkara sama, Naib Canselor dan Presiden Taylor's University College (TUC), Prof Datuk Dr Hassan Said, berkata pengiktirafan cemerlang diraih TUC menerusi SETARA membuktikan kreditibiliti IPT swasta dalam melengkapi usaha kecemerlangan

pengajian tinggi tempatan.

Katanya, TUC sama sekali tidak pernah memungkirkan aspek kualiti sama ada dalam pengajaran dan pembelajaran, kemudahan dan kualiti pelajar.

"Peranan itu dimainkan sebaik mungkin dan pengiktirafan ini bukti usaha dan kesungguhan IPT swasta sebagai penyedia pendidikan tinggi berkualiti.

"Komitmen kami akan berterusan dan apa juga kelemahan dan kekuatan yang dikenal pasti akan diperbaiki dan ditingkatkan bagi memastikan sumbangan kami mampu melonjakkan kecemerlangan pengajian tinggi negara," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UTM, Prof Datuk Dr Zaini Ujang, berkata kedudukan UTM kini semakin kukuh dengan pengiktirafan terbaru itu dan diyakini mampu menarik lebih ramai pelajar terbaik tempatan mahupun antarabangsa memasuki universiti berkenaan.

Katanya, agenda pengantarabangsaan universiti dapat direalisasikan secara lebih komprehensif selain membuka peluang kepada aktiviti akademik dan penyelidikan bersifat global.